

Tenaga muda penting: PM

1 FEB 1984

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perubahan dalam keseluruhan suasana sosial dan ekonomi negara dengan penyertaan generasi muda dalam kepemimpinan, tidak harus ditentang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan malam ini.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, tenaga-tenaga baru itu harus digunakan bagi meneruskan proses pembangunan negara.

Berucap di majlis jamuan malam sempena Jubli Perak Bank Negara Malaysia, di sini, beliau berkata, selepas 27 tahun merdeka, generasi baru telah mengambil tempat mereka dalam sistem bank, perusahaan dan perkhidmatan awam.

Katanya, mereka yang bersama-sama merebut kemerdekaan negara dan yang sempat menyaksikan prosesnya pada awal kemerdekaan semakin berkurangan. "Dalam masa 10 tahun lagi, generasi muda yang lahir selepas merdeka,

Oleh AHMAD PUAD ONAH

dan bersekolah serta melanjutkan pelajaran di banyak institusi-institusi negara ini akan menjadi kumpulan pemimpin muda yang sentiasa belai pemimpin kita," ujar beliau. Kesan perubahan itu adalah mendebarkan dengan cabaran yang baru dan dengan cabaran yang tidak dapat diduga. "Bagaimanapun, kita tidak patut menentang perubahan ini. Sebaliknya kita gunakan tenaga-tenaga baru ini bagi meneruskan proses pembangunan negara."

"Kita patut menyediakan suasana untuk pertumbuhan, tetapi di samping itu, kita mesti mempunyai sumber,

Berwaspada

"Kita patut menyediakan suasana untuk pertumbuhan, tetapi di samping itu, kita mesti mempunyai sumber,

majuan dijayakan melalui evolusi dan kestabilan, dan supaya keharmonian sosial dan perpaduan dijagai di setiap peringkat pembangunan," katanya.

Sambil bertanya apakah syarat-syarat untuk pertumbuhan itu, Perdana Menteri berkata, pengalaman menunjukkan bahawa keusahawanan dan daya-usaha, dan penyesuaian kepada fikiran-fikiran baru adalah syarat-syarat yang perlu, tetapi itu sahaja tidak mencukupi bagi membawa perubahan.

"Kita bertuah oleh kerana kita mempunyai ramai pengusaha yang gigih dan mempunyai asas yang kuat untuk mewujudkan sebuah negara yang maju," ujarnya.

Yang diperlukan ialah mewujudkan suasana yang sesuai untuk pengusaha-pengusaha tempatan dari sektor swasta dan awam mencuba, mengubah dan membuat barang-barang baru, perkhidmatan baru

dan mencari pasaran baru untuk barang-barang perusahaan dan pertanian.

"Industri-industri utama ini akan selernya menjadi agen perubahan kepada ekonomi kita," tambahnya.